

**Jangan Sombong, Genggam Erat Tangan Apabila Bersalaman - Muhyiddin Bernama**  
**16 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- "Jangan sombong, selalu senyum, genggam erat tangan apabila bersalaman, pandang mata pengundi ketika bersalaman dan dengar rintihan mereka betul-betul."

Demikian pesanan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengerusi Jentera Pilihan Raya BN kepada calon-calon Barisan Nasional (BN) dalam memenangi hati pengundi ketika berkempen pada pilihan raya umum ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN Wilayah Persekutuan ketika mengumumkan senarai calon wilayah itu yakin BN akan memperoleh lebih banyak kerusi di 13 kawasan Wilayah Persekutuan kerana 800,00 pengundi di kawasan itu amat arif terhadap pelaksanaan program kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) selama ini.

Setelah mengharungi cabaran pada pilihan raya umum 2008 dengan BN hanya memenangi tiga kerusi di Wilayah Persekutuan, beliau yakin transformasi yang telah dilaksanakan kerajaan dalam tempoh empat tahun kini mampu mengubah persepsi pengundi.

Kerajaan pimpinan BN telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat ke arah negara berpendapatan tinggi termasuk melakukan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Kita yakin orang di Wilayah Persekutuan orang yang bermaklumat, tahu apa yang berlaku di dalam kerajaan dan parti.

"Saya percaya mereka melihat apa dilakukan kerajaan dan impak usaha itu kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan 13 calon BN Wilayah Persekutuan, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

BN menguasai Putrajaya, Setiawangsa dan Labuan daripada 13 kerusi Parlimen Wilayah Persekutuan pada pilihan raya umum 2008.

BN menampilkan 12 muka baharu pada pilihan raya umum ini dengan hanya mengekalkan bekas anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Ditanya mengenai keputusan BN meletak 12 muka baharu, Muhyiddin berkata mereka memberi nafas baharu kepada BN kerana jangkaan pengundi kini sudah berubah.

Muka-muka baharu itu ialah Datuk A. Chandrakumanan (Kepong), Dr Dominic Lau Hoe Chai (Batu), Datuk Dr Mohd Shafei Abdullah (Wangsa Maju), B. Jayanthi Devi (Segambut), Datuk Ahmad Fauzi Zahari (Setiawangsa), Datuk Johari Abdul Ghani (Titiwangsa), Frankie Gan Joon Zin (Bukit Bintang), Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (Lembah Pantai), Nicole Wong Siaw Ting (Seputeh), Teoh Chee Hooi (Cheras), Tan Kok Eng (Bandar Tun Razak) dan Rozman Isli (Labuan).

Muhyiddin berkata calon lama yang tidak dipilih bukanlah disebabkan mereka tidak mampu menang tetapi BN mengambil kira kehendak pengundi yang inginkan perubahan serta mencapai hasrat parti memperoleh kemenangan dalam PRU13.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin yakin merampas kerusi itu daripada pembangkang berdasarkan usaha berterusan beliau menjaga kebajikan dan meningkatkan perkhidmatan di kawasan Parlimen Lembah Pantai.

Beliau yang dijangka berhadapan penyandang kerusi itu, yang juga Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar, menyifatkan masyarakat di situ lebih pandai menilai.

Tan Kok Eng yang merupakan anak bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Datuk Tan Chai Ho, pula berkata beliau akan dapatkan panduan dan nasihat daripada bapanya untuk mencari sokongan di Bandar Tun Razak.

"Kami akan bersama-sama turun bertemu pengundi di sana biarpun saya akan berhadapan penyandang kerusi itu yang juga Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dari Parti Keadilan Rakyat (PKR)," katanya.

Nicole Wong Siaw Ting, yang baharu saja habis pantang bersalin selepas melahirkan bayi lelaki keduanya, menyatakan kesediaan untuk bertanding di Seputeh menghadapi penyandang kerusi itu dari DAP Teresa Kok Suh Sim.

"Saya tahu masyarakat di sini mahukan pemimpin yang sentiasa ada di kawasan sepanjang masa," kata ibu muda berusia 33 tahun yang dikenali sebagai 'amoi kopitiam'.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942340>